

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan pelaburan Khazanah Nasional Bhd di luar negara dan bagaimanakah pencapaian pelaburan tersebut untuk tempoh masa sejak 2010 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, portfolio pelaburan di luar negara Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah meningkat daripada 8.2% pada 31 Disember 2010 kepada 10.1% pada 31 Disember 2013.

Peningkatan pelaburan ini sekali gus menambah Nilai Bersih Diselaraskan (*Net Worth Adjusted*) pelaburan Khazanah daripada RM75.0 juta pada 31 Disember 2010 kepada RM103.5 bilion pada 31 Disember 2013.

Secara amnya, setiap pelaburan Khazanah di luar negara mempunyai nilai strategik kepada negara serta memberikan pulangan kewangan kepada Khazanah, selaku syarikat pelaburan milik Kerajaan.